

12 SEP 1996

Mahathir-KSN

DR M MAHU HALIM PERKUKUH KERJASAMA SEKTOR AWAM-SWASTA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amanat kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru Datuk Abdul Halim Ali supaya mempertingkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta berdasarkan konsep Persyarikatan Malaysia.

Abdul Halim yang akan mengambil alih tugas KSN mulai Selasa ini mengunjungi dan berbincang dengan Dr Mahathir selama 30 minit di Pejabat Perdana Menteri di sini pagi ini. Beliau juga menerima surat perlantikan daripada Perdana Menteri.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu Abdul Halim berkata Perdana Menteri memberitahu beliau mengenai perlunya kerjasama sektor awam-swasta diperkukuhkan demi pembangunan ekonomi negara.

"Tanpa kerjasama dan kecekapan perkhidmatan awam, tentu sekali kita tidak dapat meningkatkan pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh pihak swasta," kata Abdul Halim.

Menurut beliau Dr Mahathir mahu supaya keberkesanan perkhidmatan awam juga dipertingkatkan selaras dengan harapan rakyat untuk melihat pembangunan dan kemajuan.

"Beliau meminta saya memberi perhatian khusus kepada soal meningkatkan lagi keberkesanan dalam perkhidmatan awam," katanya.

Abdul Halim juga diarah memberi perhatian kepada beberapa perkara khusus seperti meningkatkan lagi mutu pengurusan kewangan kerajaan.

"Saya berjanji akan melaksanakan amanat Perdana Menteri sebaik mungkin," katanya.

Beliau akan membuat beberapa perubahan dalam perkhidmatan awam bagi meneruskan usaha sedemikian yang diperkenalkan oleh KSN yang akan bersara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Terdahulu, Ahmad Sarji dan Abdul Halim yang kini Ketua Setiausaha Kementerian Luar, menandatangani nota serah tugas dan fail meja pada satu majlis ringkas di Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad Sarji kemudian membuat kunjungan perpisahan terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau akan bersara Isnin ini setelah 35 tahun dalam perkhidmatan awam.

Ahmad Sarji mencapai umur persaraan pada 1993 tetapi perkhidmatannya sebagai KSN disambung dua kali secara kontrak yang tamat 16 Sept ini. --

BERNAMA

AFY MAI